# Enam graduan UMS terima sumbangan YNJ

UB 19.11.2017 B1

**ENAM** daripada lapan graduan Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima penghargaan serta sumbangan daripada Yayasan Nur Jauhar (YNJ).

Mereka terdiri daripada penerima Anugerah Pelajaran Diraja (Bumiputera) Mimi Nuratifah Ahmad Daud, penerima Pingat Emas Canselor Aaron Roy Thurairajah, penerima Pingat Emas Alumni Nursakinah Najwa Suhaimi, Hadiah Zainal Abidin Bador Kelly Jauding, Hadiah Tun Zaki Tun Azmi (Tempatan) Vivian Pui Yean dan Hidayati Asrah.

Penyampaian sumbangan disempurnakan Penasihat YNJ Toh Puan Dr Norlidah Tan Sri R.M Jasni pada Majlis Penyampaian Hadiah Kepada Graduan Cemerlang Sempena Majlis Istiadat Konvokesyen UMS Ke-19 di Istana Negeri pada Jumaat.

Hadir sama Naib Cancelor UMS Prof. Datuk Dr. D. Kamarudin D Mudin, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Rasid Mail, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Dr. Ismail Ali, Pendaftar UMS, No'man Datuk Ahmad, Setiausaha Sulit Kepada Yang Dipertua Negeri, Abinan Asli serta Ahli-ahli Jawatankuasa YNJ.-*Artikel Jabatan Penerangan*




**HIDAYATI (kiri) menerima sumbangan YNJ.**






**NURSAKINAH Najwa** *(gambar atas)* **dan Vivian** *(gambar kiri)* **menerima sumbangan disampaikan Norlidah.**

*(Gambar bawah)* **Norlidah (empat kanan) bersama D.Kamarudin (empat kiri) dan tetamu jemputan lain di meja utama.**

